

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : PUAN KASTHURIRAANI A/P PATTO
(BATU KAWAN)**

TARIKH : 18 NOVEMBER 2021 (KHAMIS)

SOALAN

PUAN KASTHURIRAANI A/P PATTO minta **MENTERI KANAN PENDIDIKAN** menyatakan peruntukan pengurusan dan pembangunan yang akan disalurkan kepada semua sekolah di Pulau Pinang mengikut pecahan kawasan Parlimen bagi tahun 2019, 2020 dan sehingga kini bagi SK, SJK, SJKT, SJKC, Sekolah Agama Bantuan Kerajaan dan Sekolah Mubaligh.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Akta Pendidikan 1996 (Akta 550) menetapkan bahawa kerajaan bertanggungjawab sepenuhnya ke atas peruntukan kepada sekolah kerajaan (SK) dan pada masa yang sama, kerajaan boleh memberi sumbangan bantuan kepada sekolah bantuan kerajaan (SBK) di bawah Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM). Untuk sekolah berstatus SBK, kerajaan menyediakan peruntukan untuk bayaran emolumen dan elaun guru, utiliti, kawalan keselamatan dan pembersihan kawasan, peralatan pengajaran dan pembelajaran serta pemberian bantuan geran perkapita (PCG). KPM turut menyediakan pelbagai bantuan persekolahan kepada murid di SBK yang layak seperti mana yang diterima oleh murid di SK.

SOALAN NO : 33

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, KPM menyalurkan peruntukan kepada sekolah-sekolah melalui Jabatan Pendidikan Negeri (JPN) dan Pejabat Pendidikan Daerah (PPD) masing-masing mengikut keperluan. Jumlah peruntukan mengurus yang telah disalurkan kepada JPN dan PPD dengan jumlah sebanyak RM904.6 juta bagi tahun 2019, RM922.9 juta bagi tahun 2020 dan RM929.9 juta bagi tahun 2021. Pecahan peruntukan mengurus mengikut PPD adalah seperti di **Lampiran A**.

Manakala, peruntukan pembangunan SK di Pulau Pinang adalah RM466.06 juta bagi tahun 2019, RM490.27 juta bagi tahun 2020 dan RM598.61 juta bagi tahun 2021 berjumlah. Perincian peruntukan mengikut Parlimen adalah seperti di **Lampiran B**.

Lampiran A :Pecahan peruntukan mengurus mengikut PPD

BIL	PPD	JUMLAH
(i)	PPD Seberang Perai Utara	2019 - RM296 juta 2020 - RM354.6 juta 2021 - RM327.6 juta
(ii)	PPD Seberang Perai Tengah	2019 - RM194.2 juta 2020 - RM155.8 juta 2021 - RM154 juta
(iii)	PPD Seberang Perai Selatan	2019 - RM94.3 juta 2020 - RM101.6 juta 2021 - RM124.7 juta
(iv)	PPD Timur Laut	2019 - RM223.9 juta 2020 - RM213.3 juta 2021 - RM214.3 juta
(v)	PPD Barat Daya	2019 - RM96.2 juta 2020 - RM97.9 juta 2021 - RM109.3 juta

Lampiran B :Pecahan peruntukan pembangunan mengikut kawasan parlimen

BIL	PARLIMEN	JUMLAH
(i)	Kepala Batas	2019 - RM108.5 juta 2020 - RM109.27 juta 2021 - RM108.91 juta
(ii)	Tasek Gelugor	2019 - RM58.25 juta 2020 - RM84.01 juta 2021 - RM101.10 juta
(iii)	Permatang Pauh	2019 - RM0.81 juta 2020 - RM0.81 juta 2021 - RM0.88 juta
(iv)	Bukit Mertajam	2019 - RM93.5 juta 2020 - RM92.58 juta 2021 - RM92.28 juta
(v)	Batu Kawan	2019 - RM7.24 juta 2020 - RM7.63 juta 2021 - RM6.94 juta
(vi)	Nibong Tebal	2019 - RM10.6 juta 2020 - RM10.6 juta 2021 - RM11.83 juta
(vii)	Tanjong	2019 - RM52.42 juta 2020 - RM52.42 juta 2021 - RM52.4 juta
(viii)	Jelutong	2019 - RM3.32 juta 2020 - RM3.32 juta 2021 - RM3.85 juta

SOALAN NO : 33

BIL	PARLIMEN	JUMLAH
(ix)	Bukit Gelugor	2019 - RM68.05 juta 2020 - RM66.25 juta 2021 - RM109.71 juta
(x)	Bayan Baru	2019 - RM22.81 juta 2020 - RM22.81 juta 2021 - RM22.81 juta
(xi)	Balik Pulau	2019 - RM22.98 juta 2020 - RM22.98 juta 2021 - RM43.74 juta
(xii)	Pelbagai Parlimen	2019 - RM17.54 juta 2020 - RM17.54 juta 2021 - RM44.09 juta